

Pesilat berpeluang sertai Sukan SEA Akhirnya Persisi jadi ahli SNOC ^A

ENCIK JOHARI
SELEPAS kira-kira tujuh tahun berusaha, Persekutuan Silat Singapura (Persisi) akhirnya diterima juga menjadi anggota Majlis Olimpik Kebangsaan Singapura (SNOC).

Berita gembira tersebut diterima hujung bulan lalu oleh Setiausaha Agung Persisi, Encik Johari H.M. Uriff.

Dengan penerimaan menjadi anggota secara rasmi itu, Persisi khususnya dan para pesilat setempat amnya, kini bolehlah memandangkan hadapan untuk menyertai acara silat olahraga dalam Sukan Asia Tenggara (SEA) yang dijadualkan diadakan di Jakarta tahun depan.

Semasa dihubungi, Encik Johari berkata bahawa penerimaan itu amat bererti sekali bagi Persisi kerana selama ini usahanya untuk menjadi anggota SNOC telah gagal.

"Kami amat gembira sekali dengan penerimaan itu. Segala usaha yang kami jalankan untuk mempopularkan seni silat sebagai satu cabang olahraga kini tidak sia-sia.

"Sukan SEA yang akan datang akan mengadakan acara silat olahraga dan kami harap dapat meng-

hantar pasukan ke sana nanti," katanya.

Bagaimanapun, apa yang lebih penting bukanlah sekadar kemungkinan menyertai Sukan SEA.

"Ia juga merupakan satu insentif yang besar sekali kepada para pesilat setempat dan mereka yang meminatinya. Seni ini akan lebih popular lagi dan sekurang-kurangnya akan diiktiraf sebagai satu cabang olahraga.

- 5 DEC 1986
Surat

"Saya benar-benar berharap agar para pesilat kita akan berlatih dengan lebih gigih lagi memandangkan bahawa mereka

kini layak untuk mewakili Singapura dalam Sukan SEA nanti," kata beliau lagi.

Menurut Encik Johari, beliau akan mengedarkan surat pekeliling kepada kesemua 14 perguruan silat yang menjadi kerabat Persisi untuk memberitahu mereka tentang berita gembira itu.

Surat-surat itu dijangka diedarkan minggu ini.

"Saya yakin berita ini akan disambut baik oleh semua perguruan dan para pesilat setempat dan akan masuk ke dalam lipatan sejarah perkembangan seni silat di Singapura," tambah beliau.



• ENCIK JOHARI
'Satu insentif yang besar sekali kepada para pesilat setempat.'